



KEPUTUSAN MESYUARAT JEMAAH ULAMA NEGERI KELANTAN

BIL 2/2012

7 JUN 2012

PENENTUAN E'DDAH WANITA PUTUS HAID (MENOPAUS)

Mesyuarat Jemaah Ulama' Majlis Agama Islam Kelantan telah bersetuju membuat keputusan seperti berikut:

1. Untuk menentukan Iddah wanita yang diceraikan pada usia yang belum mencapai "سن اليأس" dalam mazhab Syafie' iaitu 62 tahun Qamariah, yang dahulunya beliau menjalani dan mengalami suatu tempoh putus atau terhentinya perasingan haid – suci yang kekal sebelum atau semasa diceraikan samada secara semulajadi atau disebabkan penyakit-penyakit tertentu atau disebabkan mendapat rawatan-rawatan tertentu dan wanita berkenaan mendakwa atau meyakini beliau telah pun sampai ke peringkat usia menopause (putus haid), wanita tersebut hendaklah :
 - i) Mendapat pengesahan daripada pakar perubatan bahawa beliau merupakan wanita yang menopause atau sebaliknya dan;
 - ii) Beliau hendaklah mengambil jalan selamat (احتياط) iaitu setelah beliau diceraikan oleh suami, beliau hendaklah menunggu selama Sembilan bulan Qamariah iaitu tempoh mengandung (لاستبراء الرحم) dan setelah itu beriddah selama tiga bulan qamariah iaitu iddah kepada "سن اليأس".
2. Bagi wanita yang menjalani pembedahan membuang ovari dan rahim mereka adalah dikategori sebagai wanita yang menopause dan apabila beliau diceraikan oleh suaminya beliau hendaklah beriddah selama tiga bulan iaitu "عدة اليأس".

DATO' HAJI MUHAMMAD SHUKRI BIN MOHAMAD
Mufti Kerajaan Negeri Kelantan
(Pengerusi Mesyuarat Jemaah Ulamak MAIK)